



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : PRINSIP PENGURUSAN
KOD KURSUS : DSM1013
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2017
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)
BAHAGIAN C (40 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 8 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab SEMUA di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Apakah definisi pengurusan menurut Marry Parker Follet?
 - A Satu seni melakukan kerja melalui sumbangan orang lain
 - B Satu seni melakukan kerja melalui dan bersama orang lain di dalam satu kumpulan
 - C Proses mengagihkan input-input organisasi untuk tujuan mencapai objektif sesebuah organisasi
 - D Unsur-unsur yang mengandungi fungsi yang terdiri daripada perancangan, pengawalan, pengorganisasian dan pengawalan

2. Satu kumpulan orang yang bekerjabersama untuk mencapai sesuatu tujuan yang spesifik dikenali sebagai
 - A pekerja.
 - B pengurus.
 - C kumpulan.
 - D organisasi.

3. Ahmad merupakan seorang pengurus, sedang membawa pelanggan mengunjungi fasiliti syarikatnya. Ahmad sedang melaksanakan peranan _____.
 - A pemimpin
 - B usahawan
 - C orang terpenting
 - D pegawai perhubungan

4. Masalah pandangan klasik ialah
 - A menitikberatkan keperluan manusia.
 - B terlalu merumitkan dan kurang berkesan.
 - C tidak meningkatkan produktiviti organisasi.
 - D gagal menimbangkan dan memenuhi keperluan manusia.

5. _____ berinteraksi dengan persekitarannya secara berterusan.
- A Sistem neutral
 - B Sistem tertutup
 - C Sistem terbuka
 - D Persekitaran dalaman
6. Proses perancangan mempunyai _____ langkah.
- A 3
 - B 4
 - C 5
 - D 6
7. *'Do the thing at the right place and the right time'* merupakan prinsip kawalan yang berkesan iaitu
- A ketepatan
 - B fleksibiliti
 - C ketepatan masa
 - D focus kepada perkara penting
8. Kenyataan misi merupakan _____.
- A pernyataan tentang keluaran atau perkhidmatan dan strategi perniagaan
 - B pernyataan tentang apa yang organisasi ingini di masa hadapan
 - C pernyataan tentang polisi-polisi organisasi
 - D pernyataan tentang kewujudan organisasi
9. Terdapat tiga (3) jenis perancangan sedia ada/kekal iaitu
- A projek, peraturan, belanjawan.
 - B program, projek, belanjawan.
 - C polisi, tatacara, peraturan.
 - D program, polisi, tatacara.

10. Farhan sedang menghadapi keputusan dimana dia tidak boleh menilai kebarangkalian kejadian bagi kegawatan ekonomi. Ini merupakan jenis keadaan membuat keputusan dikenali sebagai _____.
- A pembuatan keputusan dalam keadaan penuh kepastian
 - B pembuatan keputusan dalam keadaan ketidakpastian
 - C membuat keputusan di bawah tekanan
 - D membuat keputusan di bawah risiko
11. _____ adalah penyusunan sumber – sumber organisasi secara berkesan agar matlamat dan objektif dapat dicapai.
- A Kepimpinan
 - B Pengawalan
 - C Perancangan
 - D Pengorganisasian
12. Berikut merupakan tujuan motivasi **KECUALI**
- A meningkatkan personaliti
 - B merangsang prestasi kerja
 - C memenuhi kepuasan kerja
 - D memotivasikan kelakuan kerja
13. Kemampuan kepada penghormatan diri sendiri dan pengiktirafan daripada orang lain dan juga bermotivasi. Pernyataan di atas merujuk kepada _____.
- A kesedaran diri
 - B pencapaian diri
 - C penghargaan diri
 - D keberkesanan diri

14. Kepimpinan _____ menunjukkan sedikit perhatian terhadap tugas, membolehkan kumpulan itu membuat keputusan, dan bertindak dengan sikap "melakukan yang terbaik yang anda boleh dan tidak mengganggu saya".
- A autokratik
 - B demokrasi
 - C laissez-faire
 - D berperikemanusiaan
15. Manakah antara berikut **BUKAN** merupakan langkah dalam proses kawalan?
- A Kawalan terhadap pekerja dan sumber-sumber yang lain
 - B Mengambil tindakan pembetulan jika perlu
 - C Membandingkan prestasi dengan piawaian
 - D Menetapkan piawaian
16. Adilah ingin menghantar mesej kepada Qistina. Oleh itu, dia perlu menganalisis Qistina dari segi
- A minat
 - B fizikal
 - C komunikasi lisan
 - D komunikasi bukan lisan
17. _____ berlaku melalui perkara-perkara seperti pergerakan tangan, postur badan, hubungan mata dan penggunaan interpersonal.
- A Mesej bercampur
 - B Komunikasi lisan
 - C Komunikasi verbal
 - D Komunikasi bukan lisan

18. Siapakah diantara berikut yang merupakan ahli fikir pertama yang membentuk rangka asas pengurusan strategik?
- A Henri Fayol
 - B Peter Drucker
 - C Harold Koontz
 - D Marry Parker Follet
19. Pihak pengurusan memastikan bahawa budaya organisasi, struktur organisasi, dan sumber-sumber organisasi menyokong strategi yang dilaksanakan. Pernyataan berikut merupakan elemen _____.
- A kawalan
 - B penilaian
 - C pembentukan strategi
 - D pelaksanaan strategi
20. Manakah diantara berikut **BUKAN** merupakan nilai-nilai positif di dalam sesebuah organisasi?
- A Membimbing para pekerja
 - B Meningkatkan mutu kerja
 - C Bersikap terlalu terbuka
 - D Sentiasa bekerjasama

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA(5)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Huraikan **tiga (3)** kemahiran pengurusan. (6 markah)
- b. Nyatakan **dua (2)** cabaran dalam pengurusan. (2 markah)

SOALAN 2

- a. Nyatakan **lima (5)** kepentingan perancangan. (5 markah)
- b. Senaraikan **tiga (3)** jenis perancangan sedia ada/kekal. (3markah)

SOALAN 3

- a. Berikan maksud pembuatan keputusan. (2 markah)
- b. Terangkan **dua (2)** jenis keputusan beserta contoh. (6 markah)

SOALAN 4

- a. Bincangkan **empat (4)** jenis penjabatanan. (8 markah)

SOALAN 5

- a. Senaraikan **lima (5)** jenis keperluan di dalam teori hierarki Maslow. (5 markah)
- b. Nyatakan **tiga (3)** teori di dalam keperluan McClelland. (3 markah)

[40 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

a. Bincangkan teori grid pengurusan beserta lakarannya.

(15 markah)

b. Senaraikan **lima (5)** kepentingan kepimpinan.

(5 markah)

SOALAN 2

a. Berikan maksud kawalan.

(2 markah)

b. Bincangkan **empat (4)** proses kawalan.

(12 markah)

c. Jelaskan **tiga (3)** jenis kaedah kawalan.

(6 markah)

SOALAN 3

a. Bincangkan **empat (4)** bentuk komunikasi berserta gambarajah.

(20 markah)

[40 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

